



Newsletter
Percuma>



Masuk

19 Mei
2025

-
- PRU
- Sinar Daily
- SinarPlus
- Sinar Bestari

- IKLAN -

E-PaperLanggan

BERITA

Follow

> Nasional

Follow

RM13.3 bilion wang tidak dituntut direkod setakat April – Akauntan Negara

WhatsApp
Channel
Sinar Harian

17 Mei 2025 05:16pm

Masa membaca: 2 minit





Santuni Madani di SK Minyak Beku, Batu Pahat pada Sabtu. --
fotoBERNAMA (2025) HAK CIPTA TERPELIHARA

A- A A+

Untuk berita terkini Sinar Harian, ikuti di [Telegram](#) dan [TikTok](#) kami

BATU PAHAT - Jabatan Akauntan Negara (JANM) merekodkan RM13.3 bilion Wang Tak Dituntut (WTD) setakat bulan lepas walaupun pelbagai kempen dan promosi telah dilakukan bagi memberi kesedaran kepada orang ramai.

Akauntan Negara Nor Yati Ahmad berkata sejak sistem WTD diwujudkan pada 1977, hanya kira-kira RM4 bilion telah dituntut pemilik atau waris.

ADVERTISING



WhatsApp
Channel
Sinar Harian

Beliau berkata ia mungkin disebabkan individu atau waris tidak menyangka mereka mempunyai rekod WTD selain ada yang tidak pernah membuat semakan dengan JANM.

"Mereka sebenarnya boleh membuat semakan atau mengemukakan permohonan tuntutan melalui portal rasmi atau aplikasi eGumis serta hadir ke cawangan JANM di setiap negeri.

"Kami akan terus melakukan promosi dan aktiviti turun padang menghebahkan kewujudan WTD kerana ia hanya boleh dikeluarkan oleh pemilik atau waris sahaja," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Kampung Angkat



Sabtu.

Sementara itu, mengenai program KAM, beliau berkata pelbagai aktiviti menyantuni penduduk kampung dan projek pembangunan membabitkan penambahbaikan infrastruktur dijalankan.

Nor Yati berkata selain WTD, turut disediakan khidmat pembukaan akaun simpanan kanak-kanak dengan kerjasama Bank Rakyat melibatkan inisiatif RM20 setiap akaun, selain beberapa aktiviti bersama masyarakat turut diadakan.

"Antara yang berlangsung di bawah projek pembangunan fizikal adalah menaik taraf saluran air paip, membaik pulih balai Islam, membina pagar tanah perkuburan, menambah prasarana kemudahan pengurusan jenazah dan penyerahan sebuah van jenazah.

WhatsApp
Channel
Sinar Harian

Artikel Berkaitan:

- [Wujudkan akauntan identiti Malaysia](#)
- [ConocoPhillips tarik diri daripada projek minyak RM13.7 bilion di Sarawak](#)
- [Akauntan rugi lebih RM400,000 diperdaya pelaburan bitcoin](#)



Lenovo ThinkCentre Neo 50q Gen 4 1

Lenovo MY

[SHOP NOW >](#)

"Tujuan KAM diadakan untuk merapatkan jurang antara desa dan bandar dengan melengkapkan



katanya.

Beliau berkata KAM di Johor merupakan yang kedua setelah JANM berjaya melaksanakannya di Kampung Lubuk Antu, Sarawak tahun lepas dan program ini dijangka berterusan selepas ini.

- Bernama



Berita Telus &
Tulus menerusi E-
Mel setiap hari!


Email

Langgan

Muat turun aplikasi Sinar Harian. [Klik di sini!](#)



(Dapatkan langsung mySinar/engdirect-to-landing)
menjawab soalan kajian selidik



Masuk | Daftar **VODUS**
(<https://vodus.my/vp/ptso/login>) (<https://vodus.my/vp/ptso/register>)
(<https://vodus.my/sync/redirect-to-landing>)

Inisiatif Kerajaan

Follow

Kewangan

Follow

NGO

Follow

WhatsApp
Channel
Sinar Harian

Artikel Disyorkan